



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT DYMM TUANKU RAJA PERLIS**

SOLAT SUNAT AIDILFITRI DI DATARAN ISTIADAT ISTANA ARAU

Menjunjung titah perintah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis telah berkenan untuk berangkat bersama-sama para rakyat jelata menunaikan Solat Sunat Aidilfitri bertempat di Dataran Istiadat Istana Arau seperti kelaziman tahun sebelum ini, jam 8.00 pagi pada 1 Syawal 1446H/2025M.

Oleh yang demikian, para Jemaah di Kariah Kota Raja Arau adalah dijemput untuk menunaikan Solat Sunat Aidilfitri seperti ketetapan di atas. Makluman kepada para Jemaah yang hadir adalah seperti berikut :

- i. Membawa sejadah sendiri seorang satu bagi setiap ahli keluarga yang hadir.
- ii. Perlu lengkap berwudhu dari rumah masing-masing, atau boleh mengambil wudhu di Masjid Negeri Arau terlebih dahulu.
- iii. Pemakaian pelitup muka adalah digalakkan kepada semua yang hadir.
- iv. Disarankan semua yang hadir membawa uncang kasut untuk menyimpan kasut dengan selamat.
- v. Jika keadaan cuaca tidak sesuai, maka Solat Sunat Aidilfitri di Dataran Istiadat Istana Arau akan berpindah ke ruang solat Masjid Negeri Arau (tiada Solat Sunat Aidilfitri untuk kali ke-2 di Masjid Negeri Arau).
- vi. Jalanraya di hadapan Istana Arau akan ditutup sementara waktu, dan para hadirin yang hadir dengan kenderaan boleh parkir di sekitar Masjid Negeri Arau ataupun sekitar bahu jalan berhadapan Balai Polis Arau yang akan dikawal selia oleh anggota polis trafik.

Semoga Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H pada kali ini akan memahat seribu satu kenangan terindah buat para rakyat jelata, dan semoga segala pengorbanan kita semua dirahmati serta diberkati.

Sekian, terima kasih.

**SETIAUSAHA SULIT KANAN KEPADA
DYMM TUANKU RAJA PERLIS**

Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
02600 Arau, Perlis

26 Mac 2025